



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR  
(MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

Kemaskini: 29.03.2024

# **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**

## **DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR  
(MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

Kemaskini: 29.03.2024

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>4</b>
<b>2.0</b>	<b>OBJEKTIF</b>	<b>5</b>
<b>3.0</b>	<b>DEFINISI DAN AKRONIM</b>	<b>5</b>
<b>4.0</b>	<b>SKOP</b>	<b>8</b>
<b>5.0</b>	<b>PENGENALPASTIAN KONFLIK KEPENTINGAN</b>	<b>8</b>
<b>6.0</b>	<b>PENGURUSAN KONFLIK KEPENTINGAN</b>	<b>11</b>
<b>7.0</b>	<b>PEMANTAUAN KONFLIK KEPENTINGAN</b>	<b>15</b>
<b>8.0</b>	<b>PELANGGARAN DASAR</b>	<b>15</b>
<b>9.0</b>	<b>PINDAAN DASAR</b>	<b>16</b>
<b>10.0</b>	<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>16</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>CARTA ALIR</b>	<b>17</b>



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

## **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Secara dasarnya, Sektor Audit Dalam dan Integriti telah dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia integriti di MAIS melalui ketetapan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil. 4/2019 bertarikh 3 Disember 2019 yang telah disahkan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Bil. 3/2020 pada 28 Julai 2020.
- 1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus MAIS Bil. 1/2021 pada 11 Februari 2021 telah meluluskan Rangka Kerja Fungsi Integriti di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang meliputi pewujudan Dasar Konflik Kepentingan.
- 1.3 Keperluan Dasar Konflik Kepentingan ini diwujudkan adalah bagi memastikan sistem tadbir urus MAIS dijalankan secara telus dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap MAIS dalam melaksanakan fungsi dan kewajipannya di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan undang-undang lain yang berkuat kuasa.
- 1.4 Penentuan, pengenalpastian dan pemantauan terhadap pengurusan Konflik Kepentingan yang efektif dapat memastikan setiap keputusan yang dibuat oleh MAIS dan jawatankuasa yang ditubuhkan atau dilantik oleh MAIS dilaksanakan mengikut tadbir urus yang baik.
- 1.5 MAIS komited dalam memastikan piawaian etika yang tinggi dan memastikan ketelusan terlihat sepanjang pengamalan tadbir urus yang baik. Oleh yang demikian, semua pegawai MAIS adalah diamanahkan untuk berintegriti dan menjaga profesionalisme sepanjang masa bagi mengelakkan timbulnya Konflik Kepentingan semasa menjalankan tugas.



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

## 2.0 OBJEKTIF

Dasar Konflik Kepentingan ini adalah bagi menjelaskan tatacara pengurusan Konflik Kepentingan dan mengelakkan perkara yang boleh menjejaskan imej dan reputasi MAIS sebagai pihak berkuasa utama yang membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan.

## 3.0 DEFINISI DAN AKRONIM

- Anggota MAIS** : ertinya Anggota Majlis Agama Islam Selangor yang disebut di bawah seksyen 11 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor (Negeri Selangor) 2003;
- Anggota Jawatankuasa MAIS** : termasuklah—
- (a) ahli jawatankuasa tetap yang dilantik oleh MAIS di bawah seksyen 27 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor (Negeri Selangor) 2003; dan
  - (b) ahli jawatankuasa teknikal yang dilantik oleh MAIS dan di bawah seliaan jawatankuasa tetap MAIS;
- Borang Pengisytiharan** : ertinya borang pengisytiharan Konflik Kepentingan sebagaimana di Lampiran
- BPSM** : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MAIS.
- Individu Terlibat** : ertinya individu yang terlibat dengan Konflik Kepentingan termasuklah Anggota MAIS, Setiausaha MAIS, Anggota Jawatankuasa MAIS,



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

Setiausaha Jawatankuasa MAIS dan Pegawai MAIS;

**Kumpulan Syarikat Dan Agensi MAIS** : ertinya syarikat dan agensi yang ditubuhkan oleh MAIS di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pemegang Amanah 1952 (Pemerbadanan) 1952, Perintah Penubuhan atau mana-mana undang-undang bertulis lain termasuklah Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Berdaftar, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. (KUIS), Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS), Bakti Suci Holdings Sdn. Bhd. (BSHSB) dan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

**Lembaga Pengarah** : ertinya Lembaga Pengarah Kumpulan Syarikat dan Agensi MAIS termasuklah Lembaga Pemegang Amanah mana-mana Agensi MAIS;

**MAIS** : ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;

**Pegawai MAIS** : ertinya semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan MAIS yang dilantik oleh MAIS secara tetap, sementara atau kontrak;

**Pegawai Penerima** : ertinya orang yang diberi kuasa untuk menerima Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan daripada Individu Terlibat di bawah dasar 6.2.

**Pengarah Sektor** : ertinya Pegawai MAIS yang mengetuai pengurusan sektor di MAIS termasuk Ketua Audit Dalam.



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

**Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS** : ertinya pembekal, kontraktor, perunding, konsultan atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan pihak MAIS;

**Saudara** : berhubungan dengan seseorang, ertinya—

- (a) isteri atau suami orang itu;
- (b) adik atau abang atau kakak orang itu;
- (c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu;
- (d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu;
- (e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu;
- (f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b);
- (g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
- (h) menantu orang itu;

**UI** : Unit Integriti MAIS atau mana-mana unit, seksyen, bahagian atau sektor yang diberi kuasa oleh MAIS bagi menjalankan tugas mengawal selia integriti di bawah Dasar ini.



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

#### **4.0 SKOP**

4.1 Dasar ini terpakai kepada—

- (i) Anggota MAIS;
- (ii) Setiausaha MAIS;
- (iii) Anggota Jawatankuasa MAIS;
- (iv) Setiausaha Jawatankuasa MAIS; dan
- (v) Pegawai MAIS.

4.2 Dasar ini terbahagi kepada dua (2) kategori Konflik Kepentingan iaitu:

- (i) Konflik Kepentingan dalam pentadbiran; dan
- (ii) Konflik Kepentingan dalam pertimbangtelitian mesyuarat.

#### **5.0 PENGENALPASTIAN KONFLIK KEPENTINGAN**

5.1 Konflik Kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi seseorang itu bercanggah dengan tugas atau kewajipan profesional Individu Terlibat disebabkan oleh hubungan tertentu seperti hubungan kekeluargaan, pemegangan saham dalam sesuatu syarikat atau perniagaan atau pekerjaan sampingan.

5.2 Konflik Kepentingan ini akan memberikan kesan yang menimbulkan pengaruh tidak wajar terhadap pertimbangan, keputusan atau pelaksanaan tugas atau kewajipan Individu Terlibat.

5.3 Konflik Kepentingan dalam pertimbangtelitian mesyuarat boleh berlaku dalam perkara-perkara berikut:

- (a) Pertimbangtelitian oleh Individu Terlibat dalam membuat keputusan berhubung dengan pelantikan Pegawai MAIS yang mempunyai hubungan Saudara**



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR  
(MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

Konflik Kepentingan boleh merujuk kepada situasi di mana Individu Terlibat mengambil pekerja, mencadangkan pengambilan pekerja, mendesak atau mempengaruhi keputusan pengambilan pekerja, menyelia atau mempengaruhi keputusan pihak pengurusan MAIS bagi mana-mana Saudara mereka.

**(b) Pertimbangtelitian oleh Individu Terlibat berhubung dengan pelantikan Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS yang mempunyai hubungan Saudara**

Konflik Kepentingan boleh berlaku dalam situasi yang merujuk kepada keterlibatan Individu Terlibat dalam membuat pertimbangtelitian dan keputusan dalam pelantikan Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS yang melibatkan syarikat, organisasi atau apa-apa badan yang menggaji atau dimiliki oleh Saudara bagi Individu Terlibat.

**(c) Pertimbangtelitian oleh Individu Terlibat yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Syarikat dan Agensi MAIS dalam keputusan yang melibatkan Kumpulan Syarikat dan Agensi MAIS itu**

Konflik Kepentingan boleh berlaku dalam keadaan sekiranya terdapat Individu Terlibat yang menganggotai Lembaga Pengarah Kumpulan Syarikat dan Agensi MAIS dan mempengaruhi anggota sesuatu mesyuarat dalam membuat keputusan yang melibatkan Kumpulan Syarikat dan Agensi MAIS itu.





Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

- (d) Pertimbangtelitian oleh Individu Terlibat yang memiliki saham ekuiti dalam syarikat Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS dalam keputusan yang melibatkan Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS itu**

Perkara ini merujuk kepada keadaan apabila Individu Terlibat mempunyai saham ekuiti dalam syarikat Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS dan mempengaruhi anggota sesuatu mesyuarat dalam membuat keputusan yang melibatkan Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS itu.

- (e) Pertimbangtelitian oleh Individu Terlibat dalam keputusan yang melibatkan Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS di mana Individu Terlibat juga mempunyai kuasa pengarah, perkongsian atau menerima faedah lain daripada Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS itu**

Konflik Kepentingan boleh berlaku apabila Individu Terlibat yang mempunyai kuasa pengarah, perkongsian atau menerima faedah lain daripada Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS mempengaruhi anggota sesuatu mesyuarat dalam membuat keputusan yang melibatkan Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS itu.

5.4 Manakala Konflik Kepentingan dalam pentadbiran boleh berlaku dalam perkara-perkara berikut:

- (a) Pekerjaan luar oleh Pegawai MAIS**

Konflik Kepentingan boleh berlaku apabila Pegawai MAIS terlibat dengan pekerjaan luar sehingga memberi kesan terhadap prestasi perkhidmatannya di MAIS.



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

**(b) Penerimaan hadiah atau komisen oleh Pegawai MAIS daripada Pihak Yang Berurusan dengan MAIS**

Konflik Kepentingan merujuk kepada keadaan di mana Pegawai MAIS menerima hadiah atau komisen daripada Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS yang boleh mempengaruhi pertimbangannya dalam membuat sebarang tindakan yang menyebelahi Pihak Yang Berurusan Dengan MAIS itu.

## **6.0 PENGURUSAN KONFLIK KEPENTINGAN**

### **6.1 Konflik Kepentingan dalam pertimbangtelitian mesyuarat**

**(a) Konflik Kepentingan melibatkan Anggota MAIS, Setiausaha MAIS, Anggota Jawatankuasa MAIS dan Setiausaha Jawatankuasa MAIS.**

6.1.1 Anggota MAIS, Setiausaha MAIS, Anggota Jawatankuasa atau Setiausaha Jawatankuasa MAIS yang mempunyai konflik kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat hendaklah mengisytiharkan kepentingannya sama ada:

(a) secara lisan kepada mesyuarat; atau

(b) mengisi Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan.

6.1.2 Setiausaha Mesyuarat Jawatankuasa berperanan memberi pemakluman bagi mana-mana Anggota Jawatankuasa yang mempunyai konflik kepentingan pada permulaan sesi mesyuarat; dan



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

6.1.3 Setiap pemakluman berkenaan konflik kepentingan hendaklah dicatat dan diminitkan di dalam minit mesyuarat jawatankuasa tersebut. Manakala borang hendaklah disimpan oleh Setiausaha Mesyuarat. Manakala borang hendaklah disimpan oleh Setiausaha Mesyuarat.

6.1.4 Anggota MAIS, Setiausaha MAIS, Anggota Jawatankuasa MAIS atau Setiausaha Jawatankuasa MAIS tidak boleh berada dalam mesyuarat semasa perkara melibatkan Konflik Kepentingan tersebut dibincangkan dan diputuskan.

6.1.5 Anggota MAIS, Setiausaha MAIS, Anggota Jawatankuasa MAIS atau Setiausaha Jawatankuasa MAIS dilarang untuk mempengaruhi pertimbangan keputusan sama ada melalui tindakan secara langsung atau tidak langsung.

**(b) Konflik Kepentingan melibatkan Pengerusi Mesyuarat**

6.1.6 Pengerusi mesyuarat yang mempunyai Konflik Kepentingan dan terlibat dalam membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat.

6.1.7 Setiausaha bagi setiap mesyuarat yang berkaitan hendaklah mencatatkan pengisytiharan Konflik Kepentingan itu dalam minit mesyuarat yang berkaitan.



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

6.1.8 Pengerusi mesyuarat tidak boleh berada dalam mesyuarat semasa perkara melibatkan Konflik Kepentingan tersebut dibincangkan dan diputuskan.

6.1.9 Pengerusi mesyuarat dilarang untuk mempengaruhi pertimbangan keputusan sama ada melalui tindakan secara langsung atau tidak langsung.

6.1.10 Timbalan Pengerusi mesyuarat hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu atau semasa ketiadaan Timbalan Pengerusi MAIS, anggota-anggota yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat bagi tujuan membincangkan perkara berhubung dengan Konflik Kepentingan yang melibatkan Pengerusi mesyuarat tertakluk kepada undang-undang yang menjelaskan perjalanan mesyuarat itu.

## **6.2 Konflik Kepentingan dalam pentadbiran**

6.2.1 Sebarang Konflik Kepentingan hendaklah dinyatakan secara bertulis oleh Individu Terlibat melalui Borang Pengisytiharan dalam tempoh satu (1) hari daripada Konflik Kepentingan tersebut berlaku.

6.2.2 Pegawai MAIS yang mempunyai Konflik Kepentingan dalam sesuatu urusan pentadbiran di MAIS hendaklah melengkapkan borang pengisytiharan Konflik Kepentingan dan menyerahkan borang tersebut kepada Pegawai Penerima sebagaimana berikut:



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

<b>Individu Terlibat</b>	<b>Pegawai Penerima</b>
Setiausaha	Pengerusi MAIS
Timbalan Setiausaha dan Pengarah Sektor	Setiausaha MAIS
Ketua Bahagian, Penolong Pengurus, Eksekutif, Pembantu Operasi	Pengarah sektor

6.2.3 Setelah menerima borang pengisytiharan Konflik Kepentingan, Pegawai Penerima hendaklah mengambil tindakan secara pentadbiran yang sewajarnya untuk menguruskan Konflik Kepentingan iaitu dengan memastikan Individu Terlibat—

- (a) tidak mengambil bahagian dalam penentuan kriteria penting atau berperanan membuat keputusan dalam proses tersebut;
- (b) tidak melibatkan diri dalam perbincangan;
- (c) mengehendak akses kepada maklumat dan dokumen penting;
- (d) dipindahkan bagi melaksanakan proses kerja lain untuk tujuan penyusunan semula tugas dan tanggungjawab yang tidak bertentangan dengan kepentingan MAIS; atau
- (e) diambil lain-lain tindakan yang difikirkan perlu.

6.2.4 Pegawai Penerima hendaklah mengemukakan salinan borang pengisytiharan Konflik Kepentingan kepada UI dalam tempoh dua (2) hari daripada tarikh penerimaan borang tersebut daripada Individu Terlibat untuk tujuan rekod dan pemantauan.



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR  
(MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

## **7.0 PEMANTAUAN KONFLIK KEPENTINGAN**

- 7.1 UI bertanggungjawab untuk memantau Konflik Kepentingan oleh Individu Terlibat.
- 7.2 Setelah borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan diterima daripada Pegawai Penerima, UI hendaklah—
- (a) menilai terhadap kewajaran tindakan yang telah diambil oleh Pegawai Penerima untuk mengatasi Konflik Kepentingan tersebut;
  - (b) mengesyorkan tindakan lain yang perlu diambil sekiranya berpandangan bahawa tindakan yang telah diambil oleh Pegawai penerima tidak memadai untuk mengatasi Konflik Kepentingan tersebut; dan
  - (c) mengemukakan sesalinan borang pengisytiharan Konflik Kepentingan yang telah dilengkapkan kepada BPSM bagi tujuan simpanan rekod fail peribadi pegawai dan tindakan lanjut sekiranya terdapat keperluan untuk menukar Individu Terlibat kepada unit, seksyen, bahagian atau sektor lain di MAIS bagi tujuan penyusunan semula kerja untuk mengelakkan Konflik Kepentingan Individu Terlibat berulang.

## **8.0 PELANGGARAN DASAR**

### **8.1 Pelanggaran Dasar oleh Anggota MAIS atau Anggota Jawatankuasa MAIS**

UI hendaklah memaklumkan kepada Sektor Kesetiausahaan MAIS berhubung dengan apa-apa maklumat pelanggaran Dasar ini oleh Anggota MAIS atau Anggota Jawatankuasa MAIS yang mempunyai Konflik Kepentingan tetapi gagal untuk mengisytiharkan kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat atau terbukti telah memberikan



Jenis Dokumen:  
**DASAR**

Title:  
**DASAR KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR  
(MAIS)**

Pemilik Dokumen:  
**SEKTOR AUDIT DALAM DAN INTEGRITI**

maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja untuk tindakan lanjut di bawah dasar ini.

## **8.2 Pelanggaran Dasar oleh Pegawai MAIS**

UI hendaklah memaklumkan kepada Sektor Khidmat Pengurusan MAIS berhubung dengan apa-apa maklumat pelanggaran Dasar ini oleh Pegawai MAIS yang mempunyai Konflik Kepentingan tetapi gagal mengemukakan borang pengisytiharan atau terbukti telah memberikan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja untuk tindakan lanjut di bawah Dasar ini.

## **9.0 PINDAAN DASAR**

Jawatankuasa Audit MAIS boleh pada bila-bila masa mencadangkan pindaan Dasar ini sekiranya difikirkan perlu dan mendapatkan kelulusan daripada Mesyuarat MAIS.

## **10.0 TARIKH KUAT KUASA**

Dasar Konflik Kepentingan ini berkuat kuasa pada 1 April 2023.